



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK,
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG**

**INTERNATIONAL CONFERENCE ON STEM – PENANG 2022
ICOSTEM - PENANG 2022**

**PADA 21 SEPTEMBER 2022 (RABU) JAM 9:00 PAGI
DI DEWAN AGUNG, IPGKPP**

Bismillahirrahmanirrahim

Yang Berusaha Dr. Rusmini binti Ku Ahmad

Rektor Institut Pendidikan Guru Malaysia

Yang Berusaha Dr. Azman bin Jusoh

Pengarah Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang

Yang Berusaha Dr. Shah Jahan bin Assanarkutty

Pengarah SEAMEO RECSAM, Pulau Pinang

Yang Berusaha Dr. Mohd Azhar bin Bahari

Timbalan Pengarah IPG Kampus Pulau Pinang

Yang Berusaha Dr. Aneesha binti Hamid

Pengerusi International Conference On Stem- PENANG 2022

YBhg Dato'-Dato' dan Datin-Datin

Tuan-Tuan dan Puan-Puan.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Yang Maha Esa kerana atas rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat sama-sama hadir dalam Majlis Perasmian International Conference on Stem (ICOSTEM) - Penang 2022.

2. Setinggi-tinggi ucapan tahniah saya ucapkan kepada IPG Kampus Pulau Pinang dan SEAMEO RECSAM atas penganjuran seminar antarabangsa ini. Penganjuran seminar ini amatlah tepat pada masanya, sejajar dengan matlamat kerajaan untuk menyuburkan Pendidikan STEM dalam bidang pendidikan.

3. Bidang STEM ini pastinya menjadi pemangkin kepada keperluan tenaga kerja mahir berpengetahuan tinggi yang menjadi keutamaan dalam Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Selain itu, usaha murni ini juga amat signifikan dengan perubahan global ke arah masyarakat 5.0 di mana masyarakat sendiri menguasai kehidupan di alam maya dan alam fizikal.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Dengan tema, **Integrated STEM Education - A Catalyst for National Development**, seminar ini diharapkan berupaya untuk membuktikan peranan institusi pendidikan sebagai penggerak ke arah mencapai hasrat pendigitalan negara bagi melahirkan generasi alaf baharu yang tidak kekok dengan *internet of things*, yang menguasai kecerdasan buatan malah berani untuk berdepan dengan cabaran global.

5. Untuk melahirkan modal insan minda kelas pertama, kita perlulah menumpukan kepada kemahiran komputasional dan kemahiran insaniah yang menjadi elemen penting dalam pembentukan generasi pewaris negara. Hasrat murni kita adalah untuk menjadikan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang jati dirinya sentiasa berakar sebagai rakyat Malaysia dan menjadi *global player* yang hebat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Saya dimaklumkan bahawa seminar ini mendapat kerjasama dan komitmen yang baik daripada pelbagai peringkat institusi pendidikan yang dilibatkan sebagai inovator dan penyelidik. Lebih membanggakan lagi adalah kerana seminar ini turut melibatkan peserta dari luar negara khususnya pendidik dari negara-negara ASEAN, Australia dan Nigeria. Jaringan harmoni domestik dan antarabangsa seperti ini amat diperlukan sebagai platform perkongsian pengalaman dan maklumat. Saya amat yakin dengan adanya perkongsian ilmu secara global ini, kita mampu menjana pemikiran para pendidik yang kreatif dan inovatif bertaraf dunia yang berpaksikan ketamadunan bangsa Malaysia yang merdeka lagi berdaulat.

7. Harapan saya agar ICOSTEM PENANG 2022 menjadi medan terbaik untuk mencetuskan minat dan kreativiti berterusan dalam menghasilkan inovasi dan penyelidikan. Saya mendoakan agar seminar ICOSTEM PENANG 2022 akan berlangsung dengan jayanya dan mampu memberikan impak yang optimum kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.

8. Semoga asbab ICOSTEM PENANG 2022 akan melahirkan masyarakat yang sentiasa membudayakan inovasi dan penyelidikan sekali gus mengangkat martabat kecemerlangan pendidikan ke peringkat dunia.

9. Dengan ini dan dengan afaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan International Conference on Stem (ICOSTEM) - Penang 2022.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.